



## TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN HARI INOVASI  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2015**

**24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**MASA: 3.30 PETANG**

**PUTRA HALL A1  
PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang dihormati Saudara Pengacara Majlis

**< SALUTASI >**

### **PENDAHULUAN**

- Alhamdulillah, saya mengucap syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya juga, dapat saya bertemu dengan keluarga besar JKM sempena Hari Inovasi JKM Tahun 2015 pada hari ini. Untuk itu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak JKM kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis yang bersejarah ini yang bertemakan "**Budaya Inventif, Generasi Produktif**". Majlis kita pada petang yang berbahagia ini begitu signifikan dan bermakna kerana kita akan meraikan inovasi dan kreativiti yang merupakan pemangkin kepada transformasi Kerajaan yang kita sedang laksanakan kini.

## **SEKTOR AWAM AGEN INOVASI SOSIAL NEGARA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

- YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat Belas (MPPA 14) pada 12 Jun 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) memberi penekanan kepada pertumbuhan melalui produktiviti dan inovasi yang menuju kepada masa depan negara. Oleh itu kita perlu memahami konsep produktiviti dalam konteks perkhidmatan yang diberikan. Yang pertama, produktiviti didefinisikan sebagai pencapaian ataupun hasil kerja yang sama tetapi dengan kos yang lebih rendah. Ini bermakna, *same output but with lower cost*. Definisi yang kedua ialah hasil kerja bertambah dengan kosnya sama, *increase output with the same cost*. Definisi yang ketiga, hasil bertambah dan kos berkurangan.
- Inovasi pula bererti kita melakukan penambahbaikan dari segi proses dan produk untuk menghasilkan *output* ataupun *revenue* tambahan. Dalam konteks perkhidmatan awam, bukan semua jabatan mengutip hasil kerana ada yang *service oriented*. Jadi, definisi itu mestilah diubahsuai dari segi memberi kepuasan kepada pelanggan, yakni kepuasan rakyat ataupun *target group satisfaction* yang merupakan kumpulan sasar yang menjadi sasaran kepada bidang tugas kita.
- Inilah yang dimaksudkan dengan inovasi. Kita lakukan penambahbaikan, *the process to be creative, innovative* - hasilnya ialah *level of public happiness* ataupun *public satisfaction* yang dapat kita lonjakkan ataupun sekurang-kurangnya kita tingkatkan. Kalau kita lihat dalam konteks keseluruhannya, *traditional sources of growth* iaitu tanah, sumber manusia dan modal sudah sampai ke peringkat maksimum ataupun kekangannya.
- Kalau dikiaskan kepada perkhidmatan sektor awam, ini bermakna peruntukan, kakitangan dan ruang pejabat adalah terhad. Oleh itu dengan penggunaan sumber yang terhad ini, perlukan gabungan idea, teknologi, inovasi dan kreativiti yang boleh ditambah baik hingga ke nilai infiniti yang boleh dimajukan atau menjadi pemangkin sebagai pengganda kepada penghasilan sistem pengurusan perkhidmatan demi kepuasan pelanggan dan *stakeholder ke tahap* yang maksimum.

- Selaras dengan harapan itu, warga JKM seharusnya terus bergiat aktif dalam mencipta, membahaskan dan melaksana pelbagai idea mahupun produk yang baharu, bagi terus memartabatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih berkesan dan berimpak tinggi. Pendekatan inovasi seharusnya diperluaskan dan difahami seiring dengan kehendak dan harapan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.
- Dalam usaha untuk membudayakan inovasi di peringkat JKM, saya menyarankan agar semua pemimpin di setiap peringkat organisasi JKM meneruskan kecemerlangan dan memainkan peranan sebagai **arkitek inovasi dengan mencipta suatu ekosistem inovasi di tempat kerja** sama ada perkhidmatan luar atau perkhidmatan institusi. Inovasi terhasil apabila pekerja memahami tugas mereka dengan mendalam dan berkeupayaan untuk mengenalpasti ruang dan peluang penambahbaikan. Ketua organisasi perlu memberi lebih kebebasan dan peluang kepada warga kerja mereka untuk mencadangkan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif bagi tujuan penambahbaikan proses kerja dan penghasilan sesuatu produk.
- Mendepani kehendak pelanggan dan rakyat yang semakin meningkat dan mencabar pada masa kini, JKM memerlukan pegawai dan kakitangan yang boleh “berfikir” dan apabila menyebut “boleh berfikir”, ia bukanlah berfikiran biasa tetapi lebih kepada **fikiran yang melangkaui kebiasaan (*think out of the box*) atau luar biasa**. Matlamatnya adalah supaya pelanggan merasa seronok berurusan dengan Jabatan, berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta menyanjung tinggi sikap keprihatinan, responsif dan profesionalisme yang kita amalkan.

### **PERKHIDMATAN SECARA INOVASI BERKOLABORASI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

- Dalam usaha memacu agenda transformasi negara, kita tidak boleh bekerja secara sendirian malah perlu mengembang tenaga secara bersama. Ini adalah sejajar dengan konsep merakyatkan perkhidmatan awam yakni prinsip kekitaan yang menfokuskan kepada jalinan strategik dan kerjasama merentasi agensi melalui pendekatan inovasi kolaborasi atau *collective innovation*. Pendekatan ini bukan sahaja untuk menghasilkan inisiatif yang

berimpak tinggi sahaja tetapi ia adalah bagi memastikan **barisan penjawat awam** dapat mengemudi negara sebagai **sebuah pasukan** dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

- Saya menyeru warga JKM untuk **berfikir secara holistik** dengan menghasilkan penciptaan-penciptaan yang tidak terbatas dalam ruang lingkup agensi semata-mata. Setiap inovasi yang dihasilkan haruslah berimpak tinggi yakni boleh diguna pakai oleh agensi lain serta memberi manfaat kepada rakyat dan negara.
- Namun begitu, kita seharusnya sedar bahawa jalinan kerjasama ini bukan sahaja terhad di sektor awam sahaja, malah **sektor awam digalakkan** untuk mengadakan **musyawarah (engagement)** dan kerjasama yang erat dengan **pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** dalam mewujudkan suasana dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

#### **PEMBANGUNAN, PENGKOMERSILAN DAN PELUASAN PENGGUNAAN PRODUK INOVASI JKM**

Hadirin yang dihormati sekalian,

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan **Program “Women Innovate”** di bawah Cabaran Inovasi Inklusif. Program ini bertujuan bagi menyemarak inovasi inklusif untuk masyarakat di peringkat akar umbi dan golongan terpinggir. KPWKM telah bersetuju agar produk-produk inovasi yang telah direkacipta oleh organisasi di bawah JKM dibangunkan. JKM telah bekerjasama dengan Technology Park Malaysia (TPM) dalam membangunkan 12 produk inovasi sebagai permulaan kerana agensi ini mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam pembangunan produk-produk inovasi. Tahniah diucapkan kepada JKM.
- Tahniah juga atas penyertaan JKM di 43<sup>rd</sup> INTERNATIONAL EXHIBITION OF INVENTIONS OF GENEVA pada 15 hingga 19 April 2015. Penyertaan pertama kali JKM dalam pameran ini dapat mewujudkan **jaringan perkongsian inovasi antarabangsa** dan mendapatkan pengiktirafan kepada hasil inovasi tempatan. Di pameran ini dua (2) produk inovasi JKM iaitu **TOMEKER** yang telah direkacipta oleh PKMD Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

telah dianugerahkan pingat emas dan **MOPAR** yang telah direkacipta hasil usahasama antara Bahagian Kebajikan Produktif, Ibu Pejabat JKM dan Technology Park Malaysia (TPM) telah dianugerahkan pingat gangsa. Pada pameran ini JKM turut bersaing dengan 752 pempamer dari 48 negara dengan 1,000 inovasi dipamerkan. Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan dan pengiktirafan tersebut.

- Produk inovasi ini kini dalam proses pengkomersilan antaranya MOPAR yang sedang dalam proses perolehan untuk diedarkan ke pusat-pusat pemindahan banjir di seluruh negara yang melibatkan pengeluaran sebanyak 15,000 unit bagi persediaan menghadapi bencana. TOMEKER sedang dalam proses untuk dipatenkan oleh TPM bagi tujuan pengkomersilan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Diperbadankan.
- Harapan KPWKM komitmen dan sokongan pihak Pengurusan Tertinggi sangatlah penting untuk terus menjana dan menggerakkan budaya kerja cemerlang yang mengutamakan inovasi dan kreativiti. Saya percaya Pengurusan Tertinggi JKM sentiasa menggalakkan dan memberi sokongan yang padu kepada semua warga kerja JKM di semua peringkat untuk mencipta dan mengaplikasikan idea baru ke atas produk, perkhidmatan, proses dan teknologi yang akan menghasilkan impak yang tinggi kepada kumpulan sasar jabatan. Saranan ini perlu dihayati dan dilaksanakan oleh semua pegawai.
- Saya amat berharap semua produk atau perkhidmatan serta proses yang telah disuntik dengan suatu inovasi baharu yang dihasilkan pada hari ini akan diketengahkan bukan sahaja untuk kegunaan di peringkat JKM bahkan boleh diperluaskan penggunaannya dan menjadi legasi sepanjang zaman JKM.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

- Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pucuk pimpinan JKM dan Jawatankuasa Kerja Majlis Hari Inovasi JKM 2015 serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Hari Inovasi serta program-program pembudayaan inovasi JKM sepanjang tahun 2015 termasuk kementerian dan agensi yang turut terlibat dalam pameran pada hari ini. Harapan saya agar penganugerahan ini menjadi motivasi dan dorongan

kepada jabatan dan agensi-agensi di bawah KPWKM untuk berusaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai inovasi yang unik dan berimpak. Semoga kemeriah dan kegembiran majlis pada hari ini akan membakar semangat semua pihak untuk mengintegrasikan hasil dan mengadaptasi rekaan dan ciptaan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan

- Akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang akan menerima Anugerah Inovasi pada petang ini dan semoga pengiktirafan ini dapat memupuk lagi usaha untuk mengejar kecemerlangan. Bak perpatah “*Don't fear change, embrace it*”. Saya berharap kepada mereka yang tidak berjaya akan menyahut cabaran untuk meningkatkan lagi daya penciptaan, idea inovatif dan kecekapan pengurusan masing-masing pada masa hadapan.
- Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir-RahmanirRahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Hari Inovasi JKM Tahun 2015. Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.